

MIT bantu orang ramai dapatkan maklumat mengenai projek MRT

PETALING JAYA: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) semalam melancarkan Trak Maklumat MRT (MIT) untuk memberi maklumat terkini kepada orang ramai mengenai projek MRT.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid, berkata pelancaran MIT sejajar dengan komitmen syarikat itu untuk memberi penerangan dan

mendidik orang ramai, terutama bakal pengguna perkhidmatan tren itu.

“MIT, yang mempunyai reka bentuk menyamai bahagian dalam gerabak kereta api, dilengkapi ‘Hawkeye’, iaitu skrin sesentuh canggih yang membolehkan pelawat berinteraksi dengan peta jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang dalam pandangan 360 darjah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan MIT di sebuah pusat beli-belah di sini.

MIT juga mempunyai panel televisyen bersepadu serta tiga komputer riba untuk membolehkan pengunjungnya mendapat maklumat serta mengetahui lebih lanjut tentang aliran MRT Sungai Buloh-Kajang.

Dalam tempoh enam bulan akan



MIT dilengkapi skrin sesentuh canggih yang membolehkan pelawat berinteraksi dengan peta jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang dalam pandangan 360 darjah



Azhar Abdul Hamid

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp

datang, kemudahan itu akan disediakan di beberapa kawasan kediaman, pusat beli-belah, universiti dan kolej di sepanjang jajaran Sungai Buloh-Kajang.